

10 MAR 2003

Zainuddin-Berita

ZAINUDDIN: NEGARA ISLAM PERLU TINGKAT KERJASAMA PROMOSI PERTUKARAN BERITA

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Negara-negara Islam perlu merapatkan hubungan dan bekerjasama dalam mempromosi serta bertukar-tukar berita dan maklumat agar perpekstif Islam dapat diberikan penekanan, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin di Kaherah hari ini.

Beliau berkata usaha perlu diambil bagi mencergaskan institusi-institusi maklumat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) iaitu Pertubuhan Penyiaran Negara Islam (ISBO), Agensi Berita Islam Antarabangsa (IINA) dan Program Islam bagi Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (PIDIC), agar ia setaraf dengan saingan serantau dan antarabangsa.

Berucap pada Mesyuarat Menteri-menteri Penerangan OIC ke-6 di ibu negara Mesir itu, Zainuddin berkata kemunculan teknologi komunikasi maklumat (ICT) telah menyemarakkan penyebaran berita, kebanyakannya berorientasikan Barat dan laporan berat sebelah yang bertujuan memfitnah dan memutarbelit maklumat terutama mengenai negara Islam.

Teks ucapannya diedarkan kepada BERNAMA di sini.

Zainudin berkata dengan perkembangan globalisasi yang membawa kepada pengaliran bebas beraneka jenis maklumat, Malaysia telah mengambil inisiatif mempromosikan program pertukaran berita dan televisyen di kalangan negara Selatan.

Beliau berkata inisiatif itu pada asasnya adalah untuk mempromosi kepentingan negara-negara Selatan di mana perpekstif negara-negara itu diberi penekanan.

Bagi menerajui usaha itu, Malaysia telah mencadangkan pembentukan sebuah pusat media yang akan dikenali sebagai Gerbang Maklumat Selatan-Selatan (SSIG) yang akan bertindak sebagai tempat simpanan semua berita dan program televisyen.

Program berita dan maklumat Selatan-Selatan itu diutarakan buat pertama kalinya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Dialog Antarabangsa Langkawi 1999 di mana beliau menegaskan kepentingan perkongsian bijak, kemakmuran bersama dan perkongsian adil sesama negara Selatan.

"Adalah diharapkan dengan pertukaran berita dan program di kalangan negara Selatan-Selatan, kita akan dapat menangkis pandangan dan pendapat salah serta persepsi negatif media Barat, dan dapat menyalurkan berita dan maklumat terus kepada pelanggan.

"Adalah menjadi harapan agar SSIG dapat menjadi pelengkap kepada ISBO, IINA dan PIDIC serta institusi-institusi lain OIC," kata Zainuddin.

Sambil mengalu-alukan penyertaan negara anggota OIC ke dalam SSIG yang bakal dibentuk, beliau berkata menerusi usaha seperti itulah negara-negara Islam akan dapat menonjolkan imej sebenar dan positif Islam.

"Kita perlu bersatu dalam usaha menangkis aspek-aspek negatif yang digambarkan media Barat. Semua ini akan dicapai jika kita dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan satelit di seluruh dunia.

"Semua negara anggota perlu memanfaatkan ICT dalam penyebaran berita dan maklumat mengenai Islam," katanya.

Delegasi Malaysia ke mesyuarat dua hari yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Mesir Atef Ebeid itu termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Datuk Dr Arshad Hashim, Ketua Pengarah RTM Datuk Alimusa Sulaiman dan Pengurus Besar BERNAMA Syed Jamil Jaafar.

-- BERNAMA

MFJ MFJ MOZ

